

ETIKA PAKAIAN GRADUAN

Majlis konvokesyen merupakan majlis rasmi Politeknik dan bersesuaian dengan sifat majlis rasmi dan bagi menghormati tetamu, semua graduan adalah dikehendaki berpakaian berdasarkan etika pakaian dan penampilan yang ditetapkan. Mana-mana graduan yang tidak memenuhi etika pakaian dan penampilan yang ditetapkan boleh dihalang daripada akan dihalang daripada menyertai Majlis Konvokesyen.

Etika Pakaian Graduan Lelaki

1. Semua graduan akan diberikan Jubah konvokesyen bersama Mortar Board semasa pendaftaran raptai.

Graduan lelaki



Penampilan Rambut
(pendek, kemas, tidak berwarna & tidak berfesyen)

Kasut Hitam

Seluar Slack Hitam

- dimestikan memakai pakaian kebangsaan berwarna hitam (berbutang lengkap dan bersampin), berkasut dan stokin warna hitam, tanpa songkok atau
- Baju Kemeja lengan panjang, bertali leher dan memakai coat


3. Graduan tidak dibenarkan memakai tali bow (Bow Tie).

4. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek dan kemas, serta tidak mencecah kolar baju.

5. Graduan yang berambut panjang tidak akan dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.

6. Graduan dilarang memakai subang telinga, gelang tangan, warna rambut, pakai sandal atau kasut tidak formal.

Graduan Perempuan



- baju kurung warna dan bercorak bebas serta tudung kosong berwarna putih atau krim.
- Kasut formal berwarna gelap dan bertutup (tinggi tumit tidak melebihi 2 inci).
- Kadar labuh ialah sehingga ke bahagian buku lali. Pakaian itu juga hendaklah berlelgan panjang hingga ke pergelangan tangan, tidak ketat dan tanpa belah dibahagian kaki.

Pakaian daripada kain jenis jarang adalah dilarang. Baju tersebut hendaklah bertutup hingga ke pangkal leher di bahagian depan dan belakang.

Pakaian berbentuk seluar adalah tidak dibenarkan.

Graduan yang tidak mematuhi syarat ini akan dihalang daripada menyertai Majlis Konvokesyen.

